

Headline	DAP patut salahkan diri sendiri		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	08 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	41,000	Readership	123,000
Section	News	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	280 cm ²
AdValue	RM 2,646	PR Value	RM 7,938



ROS ARAH ADAKAN SEMULA PEMILIHAN CEC DAP

DAP patut salahkan diri sendiri

Setelah membuat siasatan rapi, pihak Pendaftar Pertubuhan (ROS), akhirnya membuat keputusan bahawa, mengikut Akta Pertubuhan dan Perlembagaan DAP sendiri, proses pemilihan semula Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) DAP yang diadakan pada 29 September 2013 adalah tidak sah dari segi undang-undang. Keputusan tegas ROS ini sekali gus menjadikan pelantikan semua pemegang jawatan utama DAP, termasuk Setiausaha Agung, turut tidak sah kerana pemilihan CEC itu sendiri tidak sah. Keputusan ROS ini tidak seharusnya cuba dipolitikkan oleh pemimpin dan penyokong DAP untuk menarik simpati rakyat konon-

nya ini adalah konspirasi jahat pemerintah untuk mengalahkan DAP. Pemimpin DAP, khususnya Lim Guan Eng yang memegang kuasa eksekutif dalam DAP, sepatutnya berasa malu dan menyalahkan diri sendiri kerana gagal membuat pemilihan semula mengikut undang-undang ditetapkan sehingga memaksa ahli DAP yang tidak berpuas hati membuat aduan mengenainya kepada ROS. Sebagai sebuah parti yang kononnya bersifat demokratik, tidak sepatutnya pemilihan semula ini dibuat secara tidak betul, apatah lagi apabila DAP selalu terkehadapan dalam menuntut perjalanan pilihan raya yang bersih dan telus daripada Suruhanjaya Pilihan Raya

(SPR). Cukup memalukan apabila masalah pemilihan semula ini masih membelenggu DAP, sedangkan ia dibarisi ramai tokoh profesional, khususnya peguam, yang sepatutnya arif dalam bidang undang-undang. Keputusan ini sekali gus membebaskan ROS daripada tuduhan banyak pihak yang mendakwa konon kegagalannya bertindak ke atas DAP sebelum ini adalah kerana ada 'tangan ghaib' yang mahu membela DAP.

Buat pemilihan semula

Kini terpulang kepada pemimpin DAP untuk mempolitikkan isu ini demi kepentingan sempitnya, seterusnya menggunakan watakah pelantikan calon pilihan raya da-

ripada parti rakan atau segera membuat pemilihan semula CEC baharu secara telus. Persoalan yang menarik untuk dilihat ialah apakah pemimpin tertinggi DAP sekarang sanggup mengambil risiko pemilihan semula CEC baharu yang dibuat secara telus akan mengubah komposisi selaras dengan kehendak akar umbi parti? Apa pun, bagi sesetengah pihak, kesiapan besar menguruskan parti begini akan mendorong pemimpin yang bertanggungjawab ke atasnya meletakkan jawatan jika pemimpin itu benar-benar bermoral. Memegang jawatan utama parti selama bertahun-tahun hasil daripada pemilihan yang tidak sah adalah satu perkara yang sukar dimaafkan.

Komentar



Dr Kamarul Zaman Yusoff

Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia